

HSBC's EliteWealth

Pelan Insurans Berkaitan Pelaburan

Perjalanan Menuju Kecemerlangan Kewangan



HSBC

Opening up a world of opportunity

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Memelihara, Melipatganda, Berkembang Maju: Perjalanan HSBC's EliteWealth Anda Bermula

Dalam era yang ditandai dengan ketidaktentuan ekonomi dan ketidakstabilan pasaran, kepelbagaian portfolio dan pemeliharaan harta adalah penting, terutamanya dalam merancang kewangan anda untuk matlamat pelaburan jangka sederhana hingga jangka panjang. Inilah sebabnya kami mencipta **HSBC's EliteWealth** yang menyerlah sebagai pendekatan unik yang memberikan anda kuasa untuk memelihara dan melipatgandakan kekayaan anda sambil berkembang maju dalam dunia dengan pelbagai peluang kewangan.

Membuka Potensi Kewangan

HSBC's EliteWealth adalah pelan insurans berkaitan pelaburan (ILP) bayaran terhad dengan 100% peruntukan premium dan perlindungan kematian sehingga umur 100 tahun, yang direka untuk mempertingkatkan perjalanan kewangan anda. Mulakan perjalanan kewangan dengan **100% premium anda dilaburkan dari hari pertama** dan kami akan memperkasakan lagi pelaburan masa depan anda dengan **Loyalty Bonus** sekiranya anda telah membayar premium berkala anda dengan sepenuhnya sehingga tarikh semasa dan tiada pengeluaran dibuat sebelum tarikh pembayaran Loyalty Bonus, bagi memaksimumkan potensi pertumbuhan dalam setiap segi.

Selain daripada pertumbuhan modal, kami menawarkan **perlindungan kewangan dan fleksibiliti pelaburan**. ILP ini memberikan anda ketenangan fikiran dengan menawarkan perlindungan kematian sehingga umur 100 tahun. Seiring dengan keselamatan kewangan, anda juga mempunyai hak untuk menyesuaikan portfolio anda dengan pelbagai dana berkaitan pelaburan selaras dengan matlamat kewangan unik dan toleransi risiko anda sambil menikmati manfaat pemurataan kos dolar melalui sumbangan premium berkala.

Perjalanan Bermula

Perjalanan ini bukan sekadar berkenaan angka; tetapi ia berkenaan melindungi masa depan anda, mencapai kestabilan kewangan dan berkembang maju dalam dunia dengan pelbagai kemungkinan kewangan. Mulakan perjalanan kewangan anda dengan HSBC's EliteWealth hari ini untuk memelihara dan melipatgandakan kekayaan anda.

Manfaat Utama HSBC's EliteWealth



Peruntukan 100% untuk Pertumbuhan Segera

Dengan 100% kadar peruntukan premium¹, setiap ringgit yang anda laburkan akan diperuntukkan serta merta ke dalam dana yang dipilih. Ini bermakna pelaburan anda bermula dengan besar dari hari pertama bagi memaksimumkan potensi peningkatan pelaburan anda, yang boleh menjadi kelebihan berbanding ILP dengan kadar peruntukan yang lebih rendah.



Bayaran Terhad, Perlindungan Jangka Panjang

Tempoh pembayaran premium terhad selama 5 tahun memudahkan anda menguruskan aliran tunai dan komitmen kewangan anda sambil memperolehi manfaat daripada dana pelaburan dan perlindungan kematian sehingga umur 100 tahun. Ini adalah jaringan keselamatan yang boleh dipercayai untuk anda dan orang yang tersayang.



Tawaran Terbitan Terjamin (GIO)

Pendaftaran yang mudah. Tiada pemeriksaan perubatan atau pengisytiharan kesihatan diperlukan apabila anda memohon ILP ini. Premium asas tahunan minimum bermula dari RM20,000 hingga maksimum RM500,000 bagi setiap hayat².



Pelaburan Bijak, Tingkatkan Kekayaan untuk Matlamat Jangka Sederhana hingga Jangka Panjang

Dengan memanfaatkan kaedah pembayaran premium berkala, anda melabur dengan strategi pemurataan kos dolar yang membantu mengurangkan risiko dan meminimumkan kesan ketidaktentuan pasaran. Anda juga boleh menyesuaikan portfolio melalui penukaran dana agar selaras dengan toleransi risiko dan matlamat kewangan anda dari semasa ke semasa. Nikmati potensi peningkatan³ daripada dana yang diuruskan dengan cekap.



Tingkatkan Pelaburan Anda dengan Loyalty Bonus

Selain daripada potensi pertumbuhan dan perlindungan, tingkatkan modal anda dengan Loyalty Bonus yang boleh mencapai sebanyak 15% daripada premium asas tahunan terkini anda. Amaun bonus tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun polisi anda dengan kadar peruntukan 100% pada akhir tempoh pembayaran premium anda, dengan syarat semua premium berkala dibayar sepenuhnya sehingga tarikh semasa dan tiada pengeluaran dibuat sebelum pembayaran Loyalty Bonus. Ini adalah ganjaran atas kepercayaan dan komitmen anda dalam membuat pembayaran premium secara konsisten sepanjang perjalanan kewangan anda bersama kami.



Pembahagian Kekayaan yang Mudah

Salurkan sebahagian daripada kekayaan anda kepadabenefisiari yang dinamakan oleh anda tanpa perlu melalui proses pengagihan harta. Yakinlah bahawa keperluan kewanganbenefisiari anda akan dipenuhi sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku.

Nota:

¹ Yuran dan caj akan dikenakan dan akan ditolak daripada Nilai Akaun selepas peruntukan premium. Sila rujuk Ringkasan Produk berikut untuk butiran lanjut.

² Premium asas agregat yang perlu dibayar untuk HSBC's EliteWealth dan mana-mana produk terbitan terjamin lain yang mungkin ditentukan oleh kami berkenaan dengan orang yang diinsuranskan yang sama tidak boleh melebihi RM2,500,000 setiap hayat. Tertakluk kepada terma dan syarat.

³ Potensi keuntungan pelaburan adalah tidak terjamin dan mungkin berubah mengikut prestasi pelaburan sebenar dana-dana yang dipilih.

Inilah cara bagaimana HSBC's EliteWealth boleh membantu mencapai matlamat anda



Jacky

- Berusia 45 tahun, mendaftar dengan HSBC's EliteWealth untuk memenuhi matlamat kewangannya yang berlainan
- Premium asas tahunan: RM50,000 setahun
- Tempoh Pembayaran: 5 tahun
- Tempoh Perlindungan: Sehingga umur 100 tahun (bersamaan dengan perlindungan selama 55 tahun)
- Dana: 100% dalam Dana Oriental Income Allianz Life

Jika kematian berlaku selepas jumlah premium asas sebanyak RM250,000 dibayar sepenuhnya, jumlah yang lebih tinggi antara amaun diinsuranskan⁵ sebanyak RM287,500 atau Nilai Akaun akan dibayar kepada benefisiari beliau.

Bayar RM50,000 setahun sebagai premium asas tahunan selama 5 tahun



Umur 45

Umur 50

Pada akhir Tahun ke-5:
Menerima **RM7,500 Loyalty Bonus** yang bersamaan dengan **15% daripada RM50,000 (premium asas tahunan)**

Matlamat Kewangan

Beliau boleh menukar dana untuk mempelbagaikan portfolio berdasarkan peluang pasaran atau toleransi risiko beliau




Membuat pengeluaran separa untuk yuran pendidikan anak-anaknya



Membuat pengeluaran berkala untuk keperluan persaraan, sementara pelaburan terus berkembang



Meninggalkan legasi untuk warisnya



Umur 55

Nilai Akaun⁴ pada Tahun ke-10:
RM279,092
(Senario Tinggi)
x 1.12 kali ganda jumlah premium asas yang dibayar

Umur 65

Nilai Akaun⁴ pada Tahun ke-20:
RM375,323
(Senario Tinggi)
x 1.50 kali ganda jumlah premium asas yang dibayar

Umur 75

Nilai Akaun⁴ pada Tahun ke-30:
RM505,214
(Senario Tinggi)
x 2.02 kali ganda jumlah premium asas yang dibayar

Umur 100

Nilai Akaun⁴ pada Tahun ke-55:
RM1,064,384
(Senario Tinggi)
x 4.26 kali ganda jumlah premium asas yang dibayar

Dengan andaian tanpa Pengeluaran Separa

Nota:

⁴ Ilustrasi di atas adalah berdasarkan senario tinggi pada kadar pulangan 5% setahun. Kadar pulangan yang diilustrasikan adalah tidak terjamin dan tertakluk kepada cukai pelaburan dan Caj Pengurusan Dana. Sila rujuk juga kepada Ilustrasi Jualan untuk unjuran kedua-dua kadar pulangan tinggi dan rendah.

⁵ Jika kematian berlaku semasa tahun polisi 1, manfaat kematian adalah yang lebih tinggi antara: 1) 100% daripada jumlah premium asas yang dibayar tambah 100% premium tambahan ad hoc (jika ada) tolak 100% pengeluaran separa daripada Nilai Akaun (jika ada), atau 2) 100% daripada Nilai Akaun. Bagi tahun polisi 2 dan seterusnya, manfaat kematian adalah yang lebih tinggi antara: 1) amaun diinsuranskan tambah 100% premium tambahan ad hoc (jika ada) tolak 100% pengeluaran separa daripada Nilai Akaun (jika ada), atau 2) 100% daripada Nilai Akaun.

Ringkasan Produk

Umur Kemasukan Orang yang Diinsuranskan	15 hari hingga 70 tahun (hari lahir yang terdekat)																	
Tempoh Bayaran	5 tahun																	
Tempoh Perlindungan	Sehingga umur 100 tahun																	
Premium Asas Tahunan	Minimum: RM20,000 Maksimum: RM500,000																	
Kadar Peruntukan	100% (premium asas tahunan)																	
Amaun Diinsuranskan	<table><tr><th>Umur Kemasukan Orang yang Diinsuranskan</th><th colspan="2">Amaun Diinsuranskan (% daripada Jumlah Premium Asas yang Dibayar)</th></tr><tr><td>15 hari – 55 tahun</td><td colspan="2">115%</td></tr><tr><td>56 – 70 tahun</td><td colspan="2">105%</td></tr></table>			Umur Kemasukan Orang yang Diinsuranskan	Amaun Diinsuranskan (% daripada Jumlah Premium Asas yang Dibayar)		15 hari – 55 tahun	115%		56 – 70 tahun	105%							
Umur Kemasukan Orang yang Diinsuranskan	Amaun Diinsuranskan (% daripada Jumlah Premium Asas yang Dibayar)																	
15 hari – 55 tahun	115%																	
56 – 70 tahun	105%																	
Manfaat Kematian	Tahun Polisi 1 Yang lebih tinggi antara: a) 100% daripada jumlah premium asas yang dibayar tambah 100% premium tambahan ad hoc (jika ada), ditolak 100% pengeluaran separa daripada Nilai Akaun (jika ada); atau b) 100% daripada Nilai Akaun Tahun Polisi 2 dan seterusnya Yang lebih tinggi antara: a) Amaun diinsuranskan tambah 100% premium tambahan ad hoc (jika ada), ditolak 100% pengeluaran separa daripada Nilai Akaun (jika ada); atau b) 100% daripada Nilai Akaun																	
Loyalty Bonus	15% daripada premium asas tahunan, dibayar pada akhir tahun polisi kelima (ke-5)																	
Manfaat Kematangan	100% daripada Nilai Akaun																	
Pengurangan Premium	Sebarang pengurangan premium adalah tidak dibenarkan dalam dua (2) tahun polisi yang pertama. Mulai tahun polisi ketiga (ke-3) dan seterusnya, jumlah keseluruhan pengurangan premium sepanjang tempoh perlindungan polisi tidak boleh melebihi tiga puluh peratus (30%) daripada premium asal pada Tarikh Terbitan.																	
Caj Wajib																		
Kos Insurans	Berdasarkan jumlah berisiko, umur yang dicapai, dan jantina Orang yang Diinsuranskan																	
Caj Perkhidmatan Bulanan	RM8.00 sebulan																	
Caj Tambahan	<table><tr><th>Tahun Polisi</th><th colspan="2">% daripada Nilai Akaun (setahun)</th></tr><tr><td>1 – 5</td><td>2.50%</td><td>2.50%</td></tr><tr><td>6 – 10</td><td>0.00%</td><td>1.50%</td></tr><tr><td>11 ke atas</td><td>0.00%</td><td>0.00%</td></tr></table>			Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun (setahun)		1 – 5	2.50%	2.50%	6 – 10	0.00%	1.50%	11 ke atas	0.00%	0.00%			
Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun (setahun)																	
1 – 5	2.50%	2.50%																
6 – 10	0.00%	1.50%																
11 ke atas	0.00%	0.00%																
Caj Pengurusan Dana	Dari 0.75% sehingga 1.50% setahun, bergantung kepada pilihan dana anda.																	
Caj Bersyarat																		
Caj Percutian Premium	Caj percutian premium akan dikenakan untuk polisi dalam percutian premium. <table><tr><th>Tahun Polisi</th><th colspan="2">% daripada Nilai Akaun (setahun)</th></tr><tr><td>1 – 5</td><td>2.50%</td><td>2.50%</td></tr><tr><td>6 – 10</td><td>0.00%</td><td>1.50%</td></tr><tr><td>11 ke atas</td><td>0.00%</td><td>0.00%</td></tr></table>			Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun (setahun)		1 – 5	2.50%	2.50%	6 – 10	0.00%	1.50%	11 ke atas	0.00%	0.00%			
Tahun Polisi	% daripada Nilai Akaun (setahun)																	
1 – 5	2.50%	2.50%																
6 – 10	0.00%	1.50%																
11 ke atas	0.00%	0.00%																
Penalti Serahan / Penalti Pengeluaran	Semasa penyerahan/pengeluaran, caj akan dikenakan seperti berikut: <table><tr><th>Tahun Polisi</th><th>Penalti Serahan (% daripada Nilai Akaun)</th><th>Penalti Pengeluaran (% daripada Amaun Pengeluaran)</th></tr><tr><td>1</td><td>25.0%</td><td>25.0%</td></tr><tr><td>2</td><td>10.0%</td><td>10.0%</td></tr><tr><td>3 – 5</td><td>5.0%</td><td>5.0%</td></tr><tr><td>6 ke atas</td><td>0.0%</td><td>0.0%</td></tr></table>			Tahun Polisi	Penalti Serahan (% daripada Nilai Akaun)	Penalti Pengeluaran (% daripada Amaun Pengeluaran)	1	25.0%	25.0%	2	10.0%	10.0%	3 – 5	5.0%	5.0%	6 ke atas	0.0%	0.0%
Tahun Polisi	Penalti Serahan (% daripada Nilai Akaun)	Penalti Pengeluaran (% daripada Amaun Pengeluaran)																
1	25.0%	25.0%																
2	10.0%	10.0%																
3 – 5	5.0%	5.0%																
6 ke atas	0.0%	0.0%																
Yuran Pertukaran Dana	Lima (5) pertukaran percuma bagi setiap tahun polisi. Pertukaran seterusnya dalam tahun polisi yang sama akan dicaj RM10 setiap pertukaran.																	

Nota Penting

1. Risalah ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan maklumat yang terkandung adalah tidak komprehensif atau menyeluruh. Anda perlu merujuk kepada Lembaran Pendedahan Produk (PDS), Ilustrasi Jualan (SI) dan Lembaran Fakta Dana untuk maklumat lanjut.
2. Manfaat-manfaat adalah tertakluk kepada pengecualian, sila rujuk kepada klausa pengecualian dalam PDS. Anda boleh rujuk kontrak polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.
3. Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (ALIM) berhak untuk menyemak semula kadar, caj, yuran serta terma dan syarat polisi pelan insurans ini. Anda akan dimaklumkan secara bertulis mengenai apa-apa pindaan yang berkaitan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum pindaan tersebut berkuat kuasa.
4. Anda harus memastikan bahawa pelan ini adalah sesuai untuk anda, dan premium yang perlu dibayar untuk pelan ini adalah berdasarkan kemampuan anda. Pembelian insurans hayat adalah komitmen jangka panjang dan anda adalah tidak digalakkan untuk menyerahkan polisi anda pada tahun-tahun awal memandangkan kos permulaan yang tinggi.
5. Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan permintaan bertulis kepada ALIM dan mengembalikan polisi tersebut kepada ALIM dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan polisi oleh anda. ALIM akan mengembalikan kepada anda Nilai Akaun pada harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya dan sebarang kos insurans, caj perkhidmatan bulanan dan caj tambahan yang telah ditolak dengan perbelanjaan yang dikenakan untuk pemeriksaan perubahan (jika ada).
6. Jaminan Berkuat Kuasa Bersyarat akan berlangsung bagi enam (6) tahun polisi pertama dengan syarat semua premium yang perlu dibayar telah dibayar (dalam tempoh penangguhan 31 hari) dan tiada pengeluaran separa daripada Nilai Akaun dilakukan sepanjang tempoh Jaminan Berkuat Kuasa Bersyarat.
7. Sekiranya premium tidak dibayar pada tarikh perlu bayar, polisi anda akan terus berkuat kuasa dengan pelaksanaan percutian premium, dengan syarat terdapat Nilai Akaun yang mencukupi untuk membayar semua caj polisi yang perlu dibayar. Apabila Nilai Akaun tidak mencukupi untuk membayar semua caj polisi yang perlu dibayar, anda akan diberi tempoh penangguhan selama tiga puluh satu (31) hari untuk membayar premium tertunggak anda, di mana polisi masih berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, polisi akan luput pada akhir tempoh penangguhan jika sebarang caj polisi masih kekal tidak dibayar pada akhir tempoh penangguhan. Oleh itu, anda dinasihatkan untuk membayar premium bagi polisi anda tepat pada masanya.
8. Sila tambah kadar cukai kerajaan yang berkenaan jika pemegang polisi adalah pertubuhan perniagaan atau apabila polisi diserahkan hak mutlak kepada pertubuhan perniagaan. Cukai kerajaan yang berkenaan akan berdasarkan kadar semasa dan tertakluk kepada perubahan mengikut undang-undang Malaysia.
9. Jika Nilai Akaun polisi anda tidak mencukupi untuk membayar caj polisi, anda mungkin perlu menambah premium anda semasa tempoh perlindungan polisi anda untuk perlindungan berterusan sehingga tarikh kematangan polisi. Sila rujuk kepada PDS dan kontrak polisi untuk penjelasan terperinci tentang kelanjutan polisi.

Nota: Ini adalah produk insurans yang dikaitkan kepada prestasi aset-aset dasarnya dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.

Diunderait oleh:

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (198301008983)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ahli PIDM